

15 OCT 1999

Ling-Korea

MALAYSIA DAN KOREA TANDATANGANI PERJANJIAN PERKONGSIAN KOD

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) dan Korean Air (KAL) dari Korea Selatan akan menandatangani satu perjanjian perkongsian kod minggu depan bagi membolehkan mereka mengendalikan lima penerbangan terus setiap minggu di antara kedua-dua negara bermula awal bulan depan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Katanya MAS akan mengadakan perkhidmatan ke Seoul setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu manakala KAL mengadakan perkhidmatan ke Kuala Lumpur setiap hari Selasa dan Jumaat.

Dengan adanya perjanjian itu KAL akan menyambung semula perkhidmatan penerbangan terus ke Kuala Lumpur selepas menghentikannya April tahun lepas berikutan krisis kewangan serantau yang menjejaskan kedua-dua negara, katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar bersama dengan naib presiden eksekutif KAL Soo Ho Cho.

Dr Ling berkata sebelum krisis kewangan itu, MAS dan KAL masing-masing mengadakan tiga penerbangan terus masing-masing ke Seoul dan Kuala Lumpur.

MAS masih mengendalikan perkhidmatan itu manakala KAL mengadakan penerbangan mingguannya ke Kuala Lumpur melalui Singapura.

"Pemulihan ekonomi di kedua-dua negara membolehkan kami untuk menyambung semula penerbangan terus itu," kata Dr Ling.

Ho Cho berkata perjanjian itu akan menguntungkan kedua-dua buah negara terutama dalam menggalakkan pelancongan dan perdagangan selain mengeratkan lagi perhubungan rakyat di kedua-dua negara.

"Diharapkan lebih ramai rakyat Korea akan datang dan menikmati keindahan negara ini," katanya.

Ho Cho juga berkata KAL akan mengadakan penerbangan sewa khas ke Langkawi bermula 10 Nov dan seterusnya setiap hari Rabu pada bulan berkenaan dengan penerbangan balik ke Seoul pada hari yang sama.

KAL akan meneruskan perkhidmatan penerbangan itu sekiranya ia mendapat sambutan, katanya.

Ho Cho, yang juga Presiden Syarikat Perkapalan Hanjin, sebelum itu mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya dan melawat Pelabuhan Barat dan Cyberjaya.

-- BERNAMA

RV AKD